

e-Dinamik

MAJALAH DIGITALAKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025



اوتو سيني تيكنولوگي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.



Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor



PENAUNG

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT

Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS

Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR

Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatimah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nurru Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad



EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman

Rohayu Ahmad

Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop

Dr. Nur Syamilah Arifin

Dr. Wan Munirah Wan Mohamad

Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani

Noorashiekin Khalid

Mazni Mat Zin

Nurrul Amilin binti Zainal Abidin

Nurulnatisya binti Ahmad

Ts. Dr. Siti Aminah Nordin

Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran

Mohamad Hanif Bin Awaludin



MEMAHAMI EKZEMA: PUNCA, PENJAGAAN DAN ALTERNATIF TANPA STEROID

Fatin Nabihah Mohd Taha

Ekzema, atau dermatitis atopic, adalah keadaan kulit yang sering dicirikan sebagai kulit kering, gatal, kemerahan atau kadang kala bersisik. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan kepada penghidap ekzema. Walaupun steroid topikal sering disyorkan untuk mengawal simptom, ramai yang mencari pendekatan alternatif yang lebih bersifat holistik dan selamat untuk kegunaan jangka panjang.

Ekzema bukanlah disebabkan oleh satu faktor tunggal sahaja, sebaliknya ekzema adalah hasil daripada kombinasi beberapa elemen. Memahami puncanya adalah langkah pertama untuk mengawal ekzema secara berkesan. Faktor pertama adalah faktor genetik. Jika ahli keluarga mempunyai sejarah ekzema, asma atau alahan (atopi), risiko untuk mendapat ekzema adalah lebih tinggi. Ini menunjukkan peranan penting genetik dalam kelemahan fungsi pelindung kulit. Faktor kedua adalah fungsi pelindung kulit (*skin barrier*) yang rosak. Kulit berfungsi sebagai penghalang untuk mengekalkan kelembapan dan melindungi daripada penceroboh luar, seperti alergen, bakteria dan bahan kimia. Individu yang menghidap ekzema, pelindung kulit ini lemah yang akan menyebabkan kulit mudah kering dan sensitif.

Seterusnya, sistem imun yang terlebih aktif menyebabkan reaksi imun yang berlebihan menjadi faktor yang menyebabkan keradangan pada kulit. Ini menjelaskan mengapa kulit menjadi merah dan gatal. Sesetengah individu juga menjadi alah kepada makanan tertentu, seperti produk tenusu, telur, kacang, atau gandum, yang mencetuskan *flare-up* kepada ekzema. Penting untuk memerhatikan dan mengenal pasti makanan yang mungkin akan mencetuskan keradangan pada kulit penghidap ekzema.



Walaupun steroid topical adalah rawatan yang berkesan untuk kes-kes ekzema yang teruk, penggunaan secara berterusan boleh menyebabkan penipisan pada kulit dan juga kesan sampingan yang lain.

Antara cara alternatif untuk menguruskan ekzema secara semula jadi adalah dengan memastikan kelembapan pada kulit. Ini adalah kunci terpenting dalam penjagaan ekzema. Gunakan pelembap yang tebal dan bebas pewangi secara kerap, terutamanya selepas mandi. Pelembap yang mengandungi bahan seperti ceramide, asid hialuronik atau gliserin membantu mengunci kelembapan dan memulihkan fungsi pelindung kulit.

Gatal adalah simptom yang paling mengganggu untuk setiap penghidap ekzema. Untuk mengawalinya tanpa menggaru, penghidap ekzema boleh meletakkan pek sejuk atau tuala lembap pada kawasan yang gatal untuk memberi keselesaan segera. Selain itu, minyak kelapa dara (VCO) mempunyai sifat anti-radang dan anti-bakteria yang boleh membantu menenangkan kulit. Suplemen seperti probiotik dan minyak ikan (Omega-3) juga boleh membantu mengurangkan keradangan dan meningkatkan kesihatan kulit dari dalam.

Hidup dengan ekzema boleh menjadi satu cabaran, tetapi itu bukanlah penamat segalanya. Dengan pendekatan yang holistik dan fokus pada penjagaan diri, ekzema boleh dikawal sepenuhnya tanpa steroid. Dengarkan isyarat dari kulit dan bersabarlah dalam mencari rutin yang terbaik. Perjalanan ini adalah perjalanan membina hubungan yang lebih sihat dengan kulit.



Sumber gambar: Google